

# Kelayakan Pinjaman

## ANGGOTA PENTADBIRAN PERSEKUTUAN

<b>Perdana Menteri</b>	<b>RM 1,200,000.00</b>
<b>Timbalan Perdana Menteri</b>	<b>RM 1,200,000.00</b>
<b>Menteri</b>	<b>RM 720,000.00</b>
<b>Timbalan Menteri</b>	<b>RM 480,000.00</b>
<b>Setiausaha Parlimen</b>	<b>RM 360,000.00</b>
<b>Setiausaha Politik</b>	<b>RM 240,000.00</b>

# Kelayakan Pinjaman

AHLI PARLIMEN	
Yang Dipertua Dewan Negara / Yang Dipertua Dewan Rakyat	RM 720,000.00
Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara / Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat	RM 480,000.00
Senator / Ahli Dewan Rakyat	RM 360,000.00

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980

# Kelayakan Pinjaman

ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI	
Menteri Besar / Ketua Menteri	RM 400,000.00
Timbalan Menteri Besar / Timbalan Ketua Menteri	RM 130,000.00
Ahli Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Negeri (EXCO)	RM 120,000.00
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	RM 120,000.00
Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	RM 120,000.00
Ahli Dewan Perundangan Negeri	RM 100,000.00

# Kelayakan Pinjaman

---


HAKIM	
Hakim Mahkamah Persekutuan	RM 480,000.00
Hakim Mahkamah Tinggi	
Hakim Mahkamah Rayuan	

Akta Saraan Hakim 1971

# Amaun Kelayakan Peminjam

Kelulusan?

.....amaun yang mana terendah.....



# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### Jenis I :

Membeli rumah atau petak rumah kediaman yang telah siap.

### Jenis II :

Membina rumah di atas tanah sendiri.

## SYARAT PINJAMAN

- Pembelian hartanah yang telah siap daripada:
  - a) penjual di pasaran
  - b) penjawat awam (urusniaga kontra)
  - c) hartanah lelongan BPP.
- Pembinaan rumah hanya dibenarkan selepas pinjaman diluluskan;
- Tanah ada Hakmilik Individu dan bebas daripada sebarang bebanan; dan
- Pelan bangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### Jenis III :

**Membeli rumah atau petak rumah kediaman dalam pembinaan**

## SYARAT PINJAMAN

- **Pembelian hartanah daripada pemaju :**
  - Hartanah perlu mempunyai Hakmilik Individu atau Hakmilik Induk; dan
  - Pemaju mestilah mencatatkan Lesen Pemaju serta Permit Jualan di dalam Perjanjian Jual Beli.
- **Pembelian petak rumah kediaman dengan lot parkir berasingan dibenarkan dengan syarat Perjanjian Jual Beli hendaklah berasingan dan permohonan perlu dikemukakan serentak.**

# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### **Jenis IV:**

Membeli tanah dengan tujuan membina rumah

## SYARAT PINJAMAN

- Tanah perlu mempunyai Hakmilik Individu;
- Surat kebenaran pindahmilik dan menggadai daripada Pihak Berkuasa Negeri diperlukan jika hakmilik mempunyai sekatan kepentingan;
- Jika hartanah telah digadai kepada bank/institusi kewangan, penyata baki hutang penjual mestilah dalam had amaun kelayakan pemohon bagi tempoh enam bulan ke hadapan;
- Pembelian hanya dibenarkan bagi tanah yang telah siap/sedia untuk pembinaan rumah;
- Amaun kelayakan tidak melebihi 50% daripada kelayakan semasa;
- Laporan Penilaian daripada JPPH.



# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### **Jenis V:**

Menyelesaikan hutang pinjaman perumahan daripada bank/institusi kewangan

## SYARAT PINJAMAN

- Dibenarkan mengambil alih baki hutang suami/isteri dengan syarat pemohon adalah pemilik bersama;
- Penyata baki hutang bank/institusi kewangan bagi tempoh 6 bulan ke hadapan;
- Laporan Nilai dari JPPH.

# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### **Jenis VI:**

Membina rumah di atas tanah pemohon yang dibeli melalui pinjaman Kerajaan

## SYARAT PINJAMAN

- Hakmilik Individu didaftar atas nama pemohon dan telah dicagar kepada Kerajaan Malaysia;
- Pembinaan rumah hanya boleh dimulakan setelah pinjaman diluluskan;
- Surat kebenaran menggadai daripada Pihak Berkuasa Negeri diperlukan jika hakmilik mempunyai sekatan kepentingan;
- Pelan bangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan tempoh kelulusan masih berkuat kuasa;
- Laporan Nilai dari JPPH.

# Jenis dan Syarat Pinjaman



## JENIS

### Jenis VII:

Membuat kerja ubahsuai rumah atau petak rumah kediaman

- Ubahsuai rumah atau petak rumah kediaman yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia

## SYARAT PINJAMAN

- Tiada tunggakan bayaran balik pinjaman;
- Baki kelayakan semasa;
- Pinjaman bersama suami/isteri – jika pemilik bersama;
- Dibenarkan selepas 5 tahun daripada tarikh surat kelulusan bagi Jenis I dan V, 5 tahun daripada tarikh pengeluaran baucar bayaran 95% atau 100% bagi jenis II dan III ;
- Pelan kerja ubahsuai yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan;
- Kos kerja ubah suai perlu mendapat penilaian oleh JPPH.